



YOUNG SOCIALPRENEUR PROGRAMME 2.0 (YS2P2.0) 2018

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi dan PKT Logistics Sdn. Bhd. akan menganjurkan **Young SocialPreneur Programme 2.0 (YS2P2.0) 2018** peringkat Kebangsaan. Fokus utama pertandingan ini adalah untuk membentuk budaya keusahawanan sosial di kalangan pelajar dan mendidik pelajar tentang tanggungjawab sosial korporat (CSR).

YS2P2.0 merupakan satu pertandingan yang berkonsepkan keusahawanan sosial di mana pelajar perlu melaksanakan program yang mempunyai kesan positif dan impak berterusan kepada masyarakat, selain daripada menyalurkan dana keuntungan yang diperolehi kepada badan-badan kebajikan yang terpilih.

Pertandingan kali kedua yang diadakan ini terbuka kepada semua pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia dan bakal diiktiraf sebagai "*The Biggest Young SocialPreneurship Charity Programme*" di dalam *Malaysian Book of Records* (MBR) yang akan dilancarkan pada **11 Ogos 2018**.

Pertandingan usahawan **YS2P2.0** melibatkan **Empat (4) fasa**:

FASA 1

PENDAFTARAN YS2P2.0

SYARAT & KRITERIA

- Terbuka kepada semua pelajar POLITEKNIK dan KOLEJ KOMUNITI
- Setiap kumpulan MESTI terdiri dari SEPULUH (10) orang pelajar dan salah seorang dilantik sebagai CEO kumpulan
- Setiap kumpulan MESTI dibimbing oleh DUA (2) orang MENTOR yang terdiri daripada DUA (2) orang pensyarah institusi berkenaan
- MENTOR perlu mendaftarkan peserta secara *online* di <https://ys2ponline.polisas.edu.my>
- MENTOR perlu mengenalpasti hanya SATU Badan Kebajikan / Pertubuhan / Komuniti
- Setiap kumpulan perlu merancang sekurang-kurangnya SATU (1) *CHARITY PROGRAM* yang mampu memberi **IMPAK** yang berterusan
- Borang pendaftaran yang telah dicetak dan disahkan oleh pengarah perlu diemel kepada urusetia_ys2p@polisas.edu.my

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN: 14 April 2018

BOOT CAMP

- **SERATUS (100)** Kumpulan yang mendaftar akan menyertai **SE Boot Camp**:
 - **Tarikh** : **16 April 2018** (tertakluk kepada perubahan tarikh)
 - **Tempat** : **Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)**
 - **Penginapan** : **Asrama POLISAS**
- 5 orang ahli kumpulan dan sekurang-kurangnya seorang mentor wajib hadir ke Boot Camp
- Peserta dan mentor yang hadir akan mendapat sijil penyertaan
- Semua kumpulan yang hadir ke Boot Camp akan meneruskan projek YS2P2.0 (tiada penyingkiran)

YURAN

- Yuran penyertaan sebanyak **RM 300** adalah **WAJIB** dibayar oleh **SETIAP** kumpulan yang menyertai pertandingan YS2P 2.0
- Bayaran boleh dibuat samada melalui cek atau LO kepada akaun Koperasi POLISAS Berhad, No Akaun: 556169000438 (Maybank).
-

- Projek YS2P2.0 secara rasmi bermula pada **17 April 2018** (tertakluk kepada perubahan). Peserta boleh merancang dan melaksanakan lebih dari satu program bermula dari tarikh ini
- Dalam usaha mendapat pengiktirafan **Malaysian Book of Records (MBR)** bagi ***Most Number of Participants in a Young Socialpreneurship Charity Programme***, salah satu program yang dirancang perlu dilaksanakan serentak di institusi masing-masing pada **11 Ogos 2018**
- **LAPORAN AKHIR** program / aktiviti perlu dihantar dan diterima sebelum atau pada **29 SEPTEMBER 2018**
 - Secara online dengan log masuk ke sistem pendaftaran di <http://ys2ponline.polisas.edu.my>
- Penjurian (*pitching*) yang melibatkan semua kumpulan / peserta adalah pada **16 OKTOBER 2018**, bertempat di POLISAS, di mana 20 Kumpulan Terbaik dipilih. Keputusan pemilihan 20 Kumpulan Terbaik akan diumumkan pada hari yang sama
- **Penjurian Akhir** pada **17 OKTOBER 2018** hanya melibatkan 20 Kumpulan Terbaik
- Keputusan Rasmi Pemenang adalah pada **MALAM ANUGERAH** iaitu pada **17 OKTOBER 2018**.

PENJURIAN AKHIR

- Penjurian Akhir (20 Kumpulan) diadakan di **POLISAS**
- Dibuat dalam bentuk **persembahan (*pitching*)**
- **Semua ahli kumpulan dan mentor 20 Kumpulan Terbaik wajib hadir**
- Wajib membawa **Mock Cheque** (saiz 36 inci x 18 inci) untuk jumlah dana sumbangan kepada badan kebajikan / Pertubuhan / Komuniti
- Pemilihan juri adalah muktamad.

MALAM ANUGERAH

- Malam Anugerah akan diadakan di **Kuantan**
- 20 kumpulan yang terbaik akan mendapat Sijil Penghargaan
- Setiap 20 kumpulan peserta terbaik perlu menyerahkan **Mock Cheque** keuntungan kepada Badan Kebajikan / Pertubuhan / Komuniti terlibat
- Pengesahan kehadiran perlu diemail ke urusetia_ys2p@polisas.edu.my
- **Anugerah YS2P2.0** Peringkat Kebangsaan adalah:
 - Anugerah Emas
 - Anugerah Perak
 - Anugerah Gangsa
 - Anugerah Mentor Terbaik
 - Anugerah CEO Terbaik
 - Anugerah Khas Juri